

## Bimbang impak kenaikan inflasi terhadap isi rumah B40, M40

### Bimbang impak kenaikan inflasi terhadap isi rumah B40, M40

Published on: Wednesday, August 24, 2022

Text Size: + - Dark Mode: Off



*Junz berkata Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 2019 menunjukkan bahawa kumpulan B40 memperuntukkan satu perempat (25 peratus) daripada pendapatan mereka untuk dibelanjakan bagi barang makanan dan minuman, berbanding M40 pada 18 peratus dan T20 pada 12.6 peratus. - Foto Bernama (kanan) untuk ilustrasi sahaja.*

**KOTA KINABALU:** Komitmen meningkat dan gaji tidak berubah akan menyebabkan kumpulan B40 dan M40 rendah menghadapi hutang isi rumah, kata Naib Presiden Parti Warisan (Warisan) Datuk Junz Wong.

Menyatakan kebimbangan terhadap inflasi yang semakin meningkat dalam beberapa bulan kebelakangan ini, beliau berkata lebih banyak isi rumah di negara ini akan menjadi rentan dalam pengurusan belanja dan hutang mereka.

<http://www.dailyexpress.com.my/news/198180/bimbang-impak-kenaikan-inflasi-terhadap-isi-rumah-b40-m40/>